

Sistem tambatan ringgit dikekal

UM 1 2 NOV 2003

PUTRAJAYA 11 Nov. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan terus mengekalkan sistem tambatan ringgit yang disandarkan kepada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika Syarikat.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berkata, sebarang khabar angin bahawa beliau merancang untuk menghapuskan tambatan ringgit adalah tidak benar kerana beliau tidak pernah membuat pertimbangan sedemikian.

“Tidak ada, tidak betul,” tegasnya ketika ditanyakan kesahihan khabar angin bahawa beliau bercadang meninggalkan tambatan ringgit selepas mengambil alih teraju pemerintahan dari Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Oktober lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mendengar taklimat daripada ketua-ketua jabatan Kementerian Kewangan dan ketua-ketua eksekutif agensi kerajaan di bawah Perbendaharaan, di sini hari ini.

Soalan daripada wakil media asing itu merupakan yang pertama dilontarkan kepada Abdullah mengenai perkara itu selepas beliau mengambil alih kerajaan.

Sejak sistem kawalan modal dan tambatan ringgit diperkenalkan oleh Dr. Mahathir pada 1 September 1998, wakil-wakil media asing amat berminat untuk mengajukan soalan tentang bila sistem itu akan ditamatkan.

Dr. Mahathir bagaimanapun bertegas dengan pendiriannya dan menyatakan kerajaan tidak akan menarik balik tambatan ringgit itu kerana ia “tidak menyakitkan sesiapa.”

Sementara itu, ketika berucap pada perhimpunan bulanan Kementerian Kewangan pada awal pagi di pekarangan Perbendaharaan, Abdullah berkata, beliau mahu setiap kakitangan mengambil langkah untuk memperbaiki dan memperkemaskan lagi prosedur kerja perkhidmatan awam.

Beliau berkata, kakitangan awam juga perlu sentiasa meningkatkan kemampuan termasuk dengan menambah ilmu pengetahuan berkaitan bidang masing-masing bagi menjamin urusan pentadbiran negara berjalan lancar dan rakyat menikmati sistem perkhidmatan awam yang berkesan.